

## Peranan Ibu Bapa Terhadap Penglibatan Anak-Anak Dalam Aktiviti Kesukanan

### *The Role Of Parents On Children's Involvement In Sports Activities*

Nurul Fathiah Azmy  
<sup>1</sup>Nur Hafizah Yusoff

Program Antropologi Dan Sosiologi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence email: <sup>1</sup>nur\_hafizah@ukm.edu.my

#### ABSTRAK

Artikel ini akan memfokuskan kepada peranan ibu bapa sebagai salah satu agen sosialisasi dalam pengalaman pendidikan sukan kanak-kanak. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan secara bukan kebarangkalian iaitu persampelan bertujuan yang memfokuskan responden daripada kalangan ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang berlatih sukan badminton di pusat sukan. Pengkaji menetapkan seramai 74 orang responden untuk menjawab soal selidik berdasarkan kaedah sampel saiz Krejcie and Morgan. Responden-responden ini adalah terdiri daripada ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka berlatih sukan badminton di pusat sukan Shahril Badminton Academy, Kuala Terengganu. Pengkaji ingin melihat faktor-faktor yang mempengaruhi ibu bapa untuk menggalakkan penglibatan anak-anak dalam menceburi bidang sukan. Antaranya ialah kebimbangan ibu bapa mengenai sifat sukan anak-anak yang berdaya saing, pengetahuan dan pengalaman sukan ibu bapa, keakraban emosi dan sebagainya lagi. Berikunya pula ialah mengenalpasti tahap pengetahuan ibu bapa tentang kepentingan sukan terhadap perkembangan anak-anak. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa kepentingan penglibatan ibu bapa terhadap aktiviti kesukanan anak-anak. Antaranya ialah memberikan implikasi yang luas terhadap motivasi dan keseronokan kanak-kanak, sebagai model peranan yang berkuasa dan sebagainya lagi. Seterusnya ialah mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa dalam menggalakkan penglibatan anak-anak dalam aktiviti kesukanan. Teori Fungsionalisme digunakan untuk menghuraikan perbincangan dengan jelas dalam kajian ini. Berdasarkan teori ini, keluarga adalah mekanisme yang berfungsi dalam mengukuhkan ikatan dengan anak-anak dan membantu perkembangan mereka melalui sukan. Selain itu, ibu bapa yang memasyarakatkan anak-anak dengan menyediakan sokongan emosi dan praktikal untuk mereka serta menyediakan ahli dengan identiti sosial dalam diri mereka. Penggunaan teori ini adalah disebabkan ibu bapa adalah salah satu agen sosialisasi yang mempunyai peranan penting dalam perkembangan awal anak-anak.

**Kata kunci :** Ibu bapa, penglibatan ibu bapa, kepentingan penglibatan ibu bapa, sukan belia, sosiologi

#### ABSTRACT

This article will focus on the role of parents as one of the agents of socialization in children's sports education experience. The research design used is quantitative. This study uses a non-probability sampling method which is purposive sampling that focuses on respondents from among parents who

*have children who practice badminton at a sports center. The researcher set a total of 74 respondents to answer the questionnaire based on Krejcie and Morgan's sample size method. These respondents are made up of parents who send their children to practice badminton at the Shahril Badminton Academy sports center, Kuala Terengganu. The researcher wants to see the factors that influence parents to encourage children's involvement in sports. Among them are parents' concerns about the competitive nature of children's sports, parents' sports knowledge and experience, emotional closeness and so on. The purpose is to identify the level of parents' knowledge about the importance of sports in the development of children. The results of the study found that there is several importance of parental involvement in children's sports activities. Among them is giving broad implications for children's motivation and enjoyment, as a powerful role model and so on. Next is to identify the challenges faced by parents in encouraging children's involvement in sports activities. Functionalism theory is used to explain the discussion clearly in this study. Based on this theory, the family is a mechanism that works in strengthening bonds with children and helping their development through sports. In addition, it is parents who socialize with children by providing emotional and practical support for them and providing members with a social identity within themselves. The use of this theory is because parents are one of the socialization agents who have an important role in the early development of children.*

**Keywords:** *Parents, parental involvement, the importance of parental involvement, youth sports, sociology*

## 1. Pengenalan

Sukan hari ini merentasi semua halangan, sama ada etnik, agama, kaum atau pendidikan dan telah menjadi dialog simbolik dalam membangunkan warga dunia. Proses sosialisasi ke dalam sukan dan aktiviti boleh dianggap sebagai proses pemodelan di mana ahli keluarga mempunyai peranan yang berkuasa (Pedro et al, 2013). Sukan terdiri daripada aktiviti fizikal yang dilakukan untuk pelbagai tujuan sama ada sebagai pertandingan, pembangunan, kemahiran dan sebagainya (Yahya et al, 2010). Sejarah pembangunan sukan juga mengajar kita mengenai perubahan sosial yang berlaku dan sifat sukan tersebut. Aktiviti bersukan juga merangsang sifat dan sikap sosial yang positif seseorang individu di mana ianya boleh dilihat melalui latihan tubi dan permainan.

Sukan ini juga bukan sahaja dilihat sebagai aktiviti fizikal namun juga sebagai sukan rekreasi. Hasmiza et al, (2006) mengatakan bahawa sukan rekreasi merupakan rekreasi fizikal yang dilakukan pada waktu lapang, tanpa sebarang paksaan dan bermatlamat untuk mencari kesejahteraan. Menurut Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO, 2011) aktiviti fizikal dapat memberikan kebaikan kesihatan terhadap kanak-kanak dan remaja seperti menguatkan otot tisu badan, meningkatkan sistem daya tahan kardiovaskular dan mengimbangkan berat badan yang ideal serta menyumbang kepada kesihatan mental dan tahap kualiti kehidupan seseorang (Rhodes et al., 2008). Tambahan lagi, budaya sukan rakyat Malaysia dilihat kurang memberangsangkan. Budaya sukan didefinisikan sebagai aktiviti sukan, senaman dan rekreasi aktif telah menjadi gaya hidup serta wujudnya ekosistem budaya sukan (penglibatan, kecintaan sukan, kesukarelaan, perbelanjaan dan fasiliti) (Zainah et al, 2019). Kesemua elemen ini akan berintegrasi antara satu sama lain untuk membentuk budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia (Zainah et al, 2019).

Industri sukan negara telah diklasifikasikan sebagai sektor yang kian mengembang sejak 20 tahun yang lalu. Hal ini dapat dilihat melalui organisasi yang bertanggungjawab terhadap pembangunan sukan negara iaitu Kementerian Belia dan Sukan (KBS). KBS berperanan dalam usaha meletakkan sukan sebagai sebuah industri yang berperanan dalam memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial negara. Realiti ini tidak boleh disangkal lagi kerana ia telah diikrarkan dalam Matlamat Pembangunan Lestari

(SDG) 2030 di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Bukan itu sahaja, sudah menjadi kebiasaan bahawa sukan mampu menyatukan rakyat Malaysia apabila kita mengetepikan jurang perbezaan dan bersatu memberi sokongan padu kepada atlet-atlet negara. Hal ini dapat dilihat melalui pencapaian-pencapaian para atlet sukan negara sejak Malaysia mula menceburi bidang ini terutama dalam sukan badminton. Antara aktiviti kokurikulum yang boleh disertai adalah terdiri daripada kelab, sukan permainan, badan beruniform dan persatuan. Tujuan utama kokurikulum ini diadakan di institusi pengajian dan pendidikan adalah untuk menjadi satu platform kepada pelajar bagi mengilap kemahiran insaniah ataupun dikenali sebagai softskill dalam diri mereka. Kemahiran insaniah merujuk kepada kemahiran tambahan seperti kemampuan menyelesaikan masalah, berfikiran kritis serta kreatif, kemahiran berbahasa, kemahiran berkomunikasi dan mempunyai disiplin yang tinggi. Semakin banyak kemahiran dan pengetahuan yang individu tersebut kuasai, maka semakin tinggilah peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan khususnya di syarikat-syarikat yang berpengaruh (Mohd Saofiean, 2013).

Sukan badminton negara merupakan sukan kedua yang mempunyai lebih ramai penyokong selepas sukan bola sepak persatuan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana, sukan badminton mula dikenali oleh rakyat Malaysia apabila adik-beradik Sidek iaitu Razif, Jalani dan Rashid pernah memenangi pingat di Olimpik di mana Razif dan Jalani memenangi gangsa di Olimpik Barcelona 1992 manakla Rashid meraih gangsa di Sukan Atlanta 1996. Kejayaan adik-beradik Sidek ini telah membuka mata rakyat Malaysia tentang sukan badminton. Bukan itu sahaja, kejayaan bekas pemain nombor satu negara Datuk Lee Chong Wei dalam sukan badminton telah menjadikan sukan ini antara sukan yang popular dalam kalangan masyarakat kini bahkan sukan badminton menjadi salah satu aktiviti sukan rekreasi yang sering dimainkan pada masa lapang. Tambahan lagi, baru-baru ini, kejayaan dalam sukan badminton negara dapat dilihat apabila pemain beregu lelaki negara, Aaron Chia dan Soh Wooi Yik telah berjaya menjuarai Kejohanan Badminton Dunia pada edisi ke-27 dengan memenangi pingat emas.

Hasil daripada kejayaan yang ditunjukkan oleh pemain beregu badminton negara ini, ianya telah memberi inspirasi dan motivasi kepada ibu bapa untuk mula memberi sokongan terhadap anak-anak mereka dalam menceburi bidang sukan. Bukan itu sahaja, terdapat juga ibu bapa yang menghantar anak mereka sendiri ke pusat latihan sukan terutamanya dalam sukan bola sepak mahupun badminton. Kebanyakan ibu bapa dilihat memilih untuk anak-anak mereka menceburi sukan seperti bola sepak mahupun badminton. Cumming dan Ewing (1999) mengatakan bahawa penglibatan ibu bapa biasanya digambarkan membuktikan bahawa wujudnya aspek tertentu yang boleh mempengaruhi pengalaman dan perkembangan belia. Mereka juga mengakui bahawa tahap penglibatan sederhana adalah apa yang perlu dilakukan oleh ibu bapa. Tahap penglibatan yang sederhana memindahkan mesej sokongan dan minat kepada belia (Cumming dan Ewing, 1999).

Meskipun begitu, penglibatan rakyat Malaysia dalam sukan masih sederhana terutamanya dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana, masih terdapat segelintir ibu bapa yang memandang negatif tentang sukan. Mereka beranggapan bahawa menceburi sukan akan menjejaskan akademik anak-anak mereka. Namun, dengan penglibatan dan motivasi daripada ibu bapa yang betul boleh membawa kepada kebarangkalian yang tinggi untuk berjaya dalam sukan dan prestasi berterusan (Turman, 2007). Justeru itu, sokongan ibu bapa terhadap penglibatan anak-anak dalam sukan dilihat memainkan peranan penting dalam perkembangan mereka.

## **2. Tinjauan Literatur**

## **2.1 Kepentingan Penglibatan Ibu Bapa Terhadap Sukan Kanak-Kanak**

Berdasarkan kajian daripada Pedro A. Sánchez-Miguel, Francisco M. Leo, David Sánchez-Oliva, Diana Amado dan Tomás García-Calvo (2013) iaitu *The Importance of Parents' Behavior in their Children's Enjoyment and Amotivation in Sports* telah menerangkan tentang hubungan antara orientasi motivasi dan tingkah laku ibu bapa berkaitan dengan orientasi motivasi pemain, iklim motivasi, keseronokan dan motivasi. Kajian ini berfokuskan kepada ibu bapa pemain serta pemain sama ada lelaki atau perempuan yang tergolong dalam pasukan bola keranjang, bola baling, bola sepak dan bola tampar persekutuan. Selain itu, pengaruh tingkah laku ibu bapa bukan sahaja muncul dalam aspek motivasi (Brustad et al., 2001; Fredricks dan Eccles, 2004), tetapi ia sering menjejaskan keseronokan belia terhadap amalan sukan (Brustad, 1996; Scanlan dan Lewthwaite, 1986). Hasil kajian ini menunjukkan hubungan positif antara sokongan ibu bapa terhadap sukan dan keseronokan pemain dan hubungan negatif dengan motivasi pemain. Lebih-lebih lagi, pemain yang merasakan lebih banyak tekanan daripada ibu bapa mereka, terdapat perkaitan positif dengan motivasi dan negatif dengan keseronokan. Akhir sekali, ditekankan bahawa penyertaan ibu bapa yang sesuai boleh menggalakkan peningkatan keseronokan dan motivasi pemain untuk bersukan.

Kajian lepas berikutnya ialah kajian daripada Valerio Bonavolontà et al. (2021) iaitu *The Role of Parental Involvement in Youth Sport Experience: Perceived and Desired Behavior by Male Soccer Players*. Kajian ini bertujuan untuk menilai penglibatan ibu bapa yang dirasakan dan diingini oleh anak-anak dan untuk mengkaji kepuasan atau ketidakpuasan hati mereka terhadap sebarang tingkah laku tertentu. Bagi kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan kajian keratan rentas analitik dengan seramai 80 orang pemain lelaki bola sepak yang berusia antara 11 hingga 14 tahun. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa yang berlebihan boleh menyebabkan tekanan kepada kanak-kanak yang lebih suka penyertaan ibu bapa yang dicirikan oleh pujian dan pemahaman. Selain itu, keseimbangan antara penglibatan sokongan tanpa meletakkan terlalu banyak tekanan diperlukan oleh ibu bapa.

Selain itu, kajian *Parental Involvement in Youth Sports and Physical Activities* daripada Conrad Fonsa Mbong (2017) telah menjelaskan kesan penglibatan ibu bapa dalam sukan belia dan aktiviti fizikal dari sudut pandangan ibu bapa. Bagi kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan kuantitatif dalam bentuk kajian tinjauan yang terdiri daripada 35 orang responden ibu bapa. Kajian juga menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa boleh mempengaruhi kedua-dua ibu bapa dan belia dalam kedua-dua cara sama yang positif mahupun negatif. Hasil dapatan kajian ini menyimpulkan bahawa penglibatan ibu bapa dalam sukan belia dan aktiviti fizikal adalah perlu tetapi terdapat keperluan untuk beberapa tahap peraturan.

Seterusnya, kajian *No Cutting Corners: The Effect of Parental Involvement on Youth Basketball Players in Israel* daripada Assaf Lev, Adi Bichman, Avi Moyal, Shmulik Brenner, Nir Fass and Ella Been (2020) telah melihat kepada sifat penglibatan ibu bapa dalam bola keranjang remaja di Israel berkaitan dengan gaya keibubapaan dan dalam konteks dilema dan isu etika. Kajian ini juga menjelaskan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sukan anak mereka mempunyai implikasi yang luas terhadap motivasi dan keseronokan kanak-kanak. Hasil kajian menunjukkan bahawa ibu bapa meluangkan masa untuk membawa anak mereka ke latihan dan permainan dan bercakap dengan anak mereka tentang kesejahteraan fizikal dan emosi mereka dan prestasi anak mereka semasa latihan dan permainan.

## **2.2 Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Ibu Bapa Dalam Sukan Anak-Anak**

Berdasarkan kajian *Influences on Parental Involvement in Youth Sport* daripada Camilla J. Knight, Travis E. Dorsch, Keith V. Osai, and Kyle L. Haderlie (2016) ini telah mengenal pasti beberapa pengaruh individu dan persekitaran terhadap penglibatan ibu bapa dalam sukan belia. Secara khusus, penemuan menunjukkan pengaruh pengalaman masa lalu ibu bapa dalam sukan dan sebagai ibu bapa sukan berfokus kepada kepercayaan, matlamat dan nilai mereka; konteks sukan belia; dan kebimbangan mengenai ibu bapa lain, jurulatih, dan tingkah laku mereka sendiri mengenai penglibatan mereka dalam sukan anak-anak mereka. Tambahan lagi, pengkaji juga mengatakan bahawa setiap ibu bapa mempunyai pengalaman yang berbeza tentang sukan belia dan memerlukan hasil yang berbeza untuk anak mereka. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penemuan sedemikian menyerlahkan kepentingan untuk mempertimbangkan faktor individu dan sosiokontekstual apabila mencipta inisiatif keibubapaan untuk memastikan mesej lebih sesuai disesuaikan dengan ibu bapa.

Kajian lepas berikutnya ialah kajian daripada Kari Stefansen, Ingrid Smette & Åse Strandbu (2016) iaitu *Understanding the Increase in Parents' Involvement in Organized Youth Sports*. Kajian ini bertujuan untuk lebih memahami proses budaya yang memacu apa yang kita lihat sebagai perubahan generasi yang ketara dalam hubungan antara sukan terancang dan amalan keibubapaan. Kajian ini juga memberi tumpuan kepada hubungan antara perubahan generasi dan corak kelas dalam keibubapaan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa merentas kelas sosial, ibu bapa melihat penglibatan dalam sukan sebagai perkara biasa dan sebagai cara untuk berhubung dengan kanak-kanak secara emosi dan untuk memajukan perkembangan kanak-kanak. Selain itu, pengkaji telah menyimpulkan bahawa peranan baru sukan dalam amalan keibubapaan adalah fenomena kelas dan generasi.

Menurut Dorothy K. Hollins (2016) mengatakan bahawa penyertaan kanak-kanak dalam sukan belia yang dianjurkan bermula seawal usia 5 tahun dan berterusan sehingga 18 tahun. Hal ini dapat dilihat dalam kajian *When Enough is Enough: The Impact of Parental Involvement in Children's Participation in Organized Sports* daripada Dorothy K. Hollins (2016). Kajian ini adalah untuk mengkaji tahap penglibatan ibu bapa yang berbeza-beza dalam penyertaan sukan anak-anak mereka dan sama ada terdapat kesan yang sepadan daripada keseronokan atlet terhadap sukan mereka dan kelangsungan dalam kerjaya mereka. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa sokongan daripada ibu bapa adalah suatu yang sering diperlukan oleh anak-anak. Namun begitu, terdapat garis halus antara bersikap menyokong dan bersikap sombong. Oleh itu, ibu bapa yang prihatin adalah salah satu sistem sokongan yang paling penting yang boleh dimiliki oleh seorang kanak-kanak.

Seterusnya, kajian *Factors Affecting Parental Involvement in Education: The Analysis of Literature* daripada Javid Jafarov (2015) telah menjelaskan penglibatan ibu bapa memainkan peranan penting dalam pembelajaran pelajar dan ia memberi banyak manfaat kepada pelajar. Kajian ini juga melihat kepada beberapa bentuk faktor yang mempengaruhi penglibatan ibu bapa seperti faktor berkaitan ibu bapa, faktor berkaitan sekolah dan faktor berkaitan pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa umur pelajar mempengaruhi tahap penglibatan ibu bapa.

### **2.3 Cabaran Yang Dihadapi Oleh Ibu Bapa Terhadap Penglibatan**

Berdasarkan kajian Faktor Kekangan Ibu Bapa dan Persekitaran Sekolah dalam Pelaksanaan Pengajaran Pendidikan Jasmani di Sekolah Rendah daripada Syed Kamaruzaman Syed Ali, Muhamad Akbar Zahidi, Rahmad Sukor Ab. Samad dan Wee A.S.S.L (2014) ini telah mengenal pasti bahawa ibu bapa mesti memainkan peranan mereka dengan memberikan sokongan positif kepada anak-anak mereka dalam mengikuti kelas Pendidikan Jasmani di sekolah. Kajian ini akan membincangkan tentang kekangan ibu bapa dan faktor persekitaran sekolah dalam pelaksanaan Pendidikan Jasmani di sekolah rendah. Hasil kajian ini

menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara kekangan ibu bapa dengan faktor persekitaran sekolah.

Kajian lepas berikutnya ialah kajian daripada Nicholas L. Holt, Bethan C. Kingsley, Lisa N. Tink & Jay Scherer (2011) iaitu *Benefits and Challenges Associated with Sport Participation by Children and Parents from Low-Income Families*. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi ibu bapa yang berpendapatan rendah dan anak-anak mereka tentang faedah yang berkaitan dengan penyertaan dalam sukan belia. Kajian ini juga memberi tumpuan kepada persepsi ibu bapa tentang cabaran yang berkaitan dengan menyediakan anak-anak mereka peluang bersukan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa nilai dan kepentingan menyediakan sukan kepada kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah, tetapi menyerlahkan bahawa peningkatan usaha diperlukan untuk mengatasi halangan yang tinggal dan mengekalkan penyertaan dan faedah jangka panjang.

Menurut Daniela Rodrigues, Cristina Padez dan Aristides M Machado-Rodrigues (2019) mengatakan bahawa terdapatnya halangan yang dirasakan ibu bapa yang mungkin menyumbang kepada strategi untuk menggalakkan aktiviti fizikal pada kanak-kanak. Hal ini dapat dilihat dalam kajian *Parental Perception of Barriers to Children's Participation in Sports: Biological, Social, and Geographic Correlates of Portuguese Children* daripada Daniela Rodrigues, Cristina Padez dan Aristides M Machado-Rodrigues (2019). Kajian ini adalah untuk melihat halangan yang dirasakan ibu bapa untuk penyertaan kanak-kanak berumur 6 hingga 10 tahun dalam sukan yang dianjurkan dan memahami sejauh mana status sosioekonomi, tempat kediaman, dan jantina, umur dan penyertaan sukan kanak-kanak mempengaruhi halangan yang dirasakan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa masa dan kos adalah halangan yang paling banyak dilaporkan oleh ibu bapa. Halangan akses kebanyakannya dilaporkan oleh ibu bapa kepada kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak yang lebih muda, ibu bapa kepada kanak-kanak yang tidak aktif, dan keluarga yang tinggal dalam persekitaran bandar dan dalam keadaan sosioekonomi yang tidak berfaedah.

Secara keseluruhannya, hasil kajian-kajian lepas ini menunjukkan bahawa pentingnya penglibatan ibu bapa dalam sukan anak-anak. Kajian-kajian ini akan digunakan oleh pengkaji sebagai rujukan dan membantu pengkaji dalam menjalankan penyelidikan tentang kepentingan penglibatan ibu bapa dalam sukan anak-anak.

### **3.1 Metodologi**

#### **3.1 Kaedah Pengumpulan Data**

Dalam melakukan kajian ini, pengkaji akan menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mendapatkan maklumat dan mengumpul data kajian. Pengkaji merasakan bahawa teknik pengumpulan data bagi kaedah kuantitatif sangat sesuai bagi penyelidikan kajian ini. Pendekatan kuantitatif merupakan kajian yang akan menghasilkan dapatan kajian yang realistik dan menerangkan kejadian secara statistik. Penyelidikan kuantitatif adalah suatu penyelidikan yang menerangkan sesuatu fenomena berdasarkan suatu koleksi data bernombor yang dianalisis menggunakan kaedah statistik (Aliaga and Gunderson, 2000). Teknik pengumpulan data yang akan digunakan dalam kajian ini adalah melalui borang soal selidik yang akan diedarkan melalui “Google Form” secara langsung kepada responden. Kaedah ini dipilih adalah kerana terdapat beberapa kekangan yang memerlukan pengkaji mengutip data secara atas talian di mana jurulatih SBA menyatakan bahawa kebanyakan ibu bapa tidak menunggu anak mereka ketika sesi latihan dijalankan dan tidak ramai kanak-kanak yang berlatih dalam satu-satu sesi latihan serta sesi latihan dilakukan di beberapa dewan badminton yang mempunyai jarak yang agak jauh antara satu sama lain. Namun begitu, kaedah yang

digunakan ini bersesuaian dengan objektif kajian bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan lengkap. Responden bebas memilih jawapan mengikut kehendak soalan yang terdapat dalam soal selidik.

Dalam pembentukan borang soal selidik, teknik 'open ended', 'close-ended' dan 'contingency question' akan digunakan (Nana, 2005). Dalam penyelidikan ini, borang soal selidik akan merangkumi soalan *open* dan *ended* bagi menjawab soalan berkaitan demografi responden. Soalan-soalan soal selidik yang berdasarkan objektif kajian akan diisi sendiri oleh responden. Kemudian, untuk mendapatkan data tahap pengetahuan ibu bapa tentang kepentingan sukan terhadap perkembangan anak-anak serta faktor-faktor yang mempengaruhi ibu bapa untuk menggalakkan penglibatan anak-anak dalam menceburi bidang sukan, soalan berbentuk skala likert akan diberi kepada responden.

### **3.2 Kaedah Persampelan**

Persampelan merupakan satu proses dalam memilih elemen-elemen dalam populasi bagi mewakili populasi sesebuah kajian. Menurut Mohd Sheffie Abu Bakar (1991), persampelan merupakan satu proses di mana sebilangan kecil daripada keseluruhan populasi dipilih dan dikaji untuk membolehkan kita membuat generalisasi mengenai populasi itu. Kajian ini akan menggunakan kaedah persampelan bukan kebarangkalian iaitu persampelan bertujuan yang memfokuskan responden daripada kalangan ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka berlatih sukan badminton di pusat sukan Shahril Badminton Academy (SBA), Kuala Terengganu. Dengan menggunakan kaedah sampel saiz Krejcie and Morgan, pengkaji menetapkan seramai 74 orang responden untuk menjawab borang selidik. Borang soal selidik ini akan diedarkan kepada semua ibu bapa tanpa mengira jantina atau bangsa. Pemilihan subjek kajian adalah menepati ciri-ciri sampel yang sudah dikenalpasti terlebih dahulu supaya seseorang individu yang terlibat dalam kajian ini mempunyai kriteria yang bersesuaian dengan isu yang dikaji.

### **3.3 Kaedah memproses dan menganalisis data**

Proses analisis data merupakan data yang didapati dengan menggunakan soal selidik di mana segala data maklumat yang diperolehi akan dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) untuk menganalisa data dengan lebih cepat dan mudah. Bagi soalan berkaitan tahap pengetahuan ibu bapa tentang kepentingan sukan terhadap perkembangan anak-anak, pengkaji akan menggunakan min dan sisihan piawai untuk dipersembahkan dalam hasil perbincangan kajian ini. Seterusnya, pengkaji akan menggunakan skala likert 5 aras iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, neutral, setuju dan sangat setuju bagi menerangkan tentang faktor yang mempengaruhi ibu bapa untuk menggalakkan penglibatan anak-anak dalam menceburi bidang sukan. Bagi soalan ini, pengkaji akan menggunakan peratusan untuk mempersembahkan data dalam hasil perbincangan kajian.

## **4. Dapatan dan Perbincangan**

### **4.1 Demografi Responden**

Bahagian ini merupakan taburan analisis latar belakang responden yang terdiri daripada jantina, umur, bangsa, tahap pendidikan, jenis pekerjaan dan pendapatan kasar keluarga.

Responden terdiri daripada 74 orang responden yang terdiri daripada 39 orang responden lelaki dan 35 orang responden perempuan.

#### 4.1.1 Jantina

JADUAL 1: Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	39	52.7
Perempuan	35	47.3
Jumlah	74	100

*Sumber : Dapatan kajian 2023*

Jadual 1 menunjukkan hasil dapatan bagi kategori jantina responden di mana daripada keseluruhan bilangan responden yang mengambil bahagian, sebanyak 52.7% adalah lelaki manakala bagi perempuan pula adalah sebanyak 47.3%. Hal ini menunjukkan bahawa jumlah responden lelaki yang menjawab soal selidik ini adalah lebih tinggi berbanding responden perempuan. Berdasarkan perangkaan yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2021) berkenaan Indeks Budaya Sukan Malaysia 2020, ia menunjukkan bahawa golongan lelaki lebih tinggi penglibatan dalam aktiviti kesukanan dengan 69.2% berbanding golongan perempuan yang mencatatkan sebanyak 69.2%. Walaupun begitu, adanya perbezaan yang ditunjukkan dengan dapatan yang diperolehi dalam kajian ini, namun dari segi jurang antara jumlah responden lelaki dan responden perempuan tidaklah begitu ketara antara kedua-dua jantina ini hanya dipisahkan sebanyak 5.4%.

#### 4.1.2 Umur

JADUAL 2: Umur

Umur	Kekerapan	Peratus (%)
21 - 30 Tahun	1	1.4
31 - 40 Tahun	20	27.0
41 - 50 Tahun	34	45.9
51 Tahun dan ke atas	19	25.7
Jumlah	132	100

*Sumber : Dapatan kajian 2022*

Berdasarkan pada Jadual 2 adalah dapat dilihat bahawa seramai 34 orang responden yang berumur dalam lingkungan 41 hingga 50 tahun telah mencatatkan jumlah penyertaan tertinggi responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini iaitu sebanyak 45.9%. Jumlah kedua tertinggi adalah responden yang berusia dalam lingkungan 31 hingga 40 tahun iaitu seramai 20 orang responden 27.0% diikuti drapat dengan penyertaan responden yang berusia dari lingkungan 51 tahun dan ke atas iaitu seramai 19 orang dengan nilai peratus 25.7%. manakala jumlah responden yang terendah berada pada peringkat umur 21 hingga 30 tahun dengan nilai peratus 1.4% (1 orang).

#### 4.1.3 Bangsa

JADUAL 3: Bangsa

Bangsa	Kekerapan	Peratus (%)
Melayu	70	94.6
Cina	4	5.4
Jumlah	74	100

*Sumber : Dapatan kajian 2022*

Berdasarkan Jadual 3 adalah dapat dilihat bahawa responden berbangsa Melayu telah mencatatkan jumlah penyertaan yang tertinggi bagi soal selidik ini iaitu seramai 70 orang dengan nilai peratus 94.6%. Bagi responden yang berbangsa Cina pula mencatatkan jumlah



penyertaan yang rendah iaitu seramai 4 orang dengan nilai peratus 5.4%. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa etnik Melayu mendominasi sudut sebegini kerana kawasan kajian yang dilakukan mempunyai majoriti penduduk yang berbangsa Melayu berbanding masyarakat berbangsa lain. Di Malaysia, terdapat 3 kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India (Jabatan Penerangan Malaysia, 2017).

#### 4.1.4 Tahap Pendidikan

JADUAL 4: Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan	Kekerapan	Peratus (%)
SPM	22	29.7
Diploma/ Matrikulasi/ STPM	14	18.9
Sarjana Muda	32	43.2
Sarjana	5	6.8
Phd	1	1.4
Jumlah	74	100

*Sumber : Dapatan kajian 2022*

Jadual 4 menunjukkan bahawa majoriti responden berada di peringkat Sarjana Muda iaitu seramai 32 orang responden dengan nilai peratus 43.2%. Seterusnya, diikuti dengan tahap pendidikan di pada peringkat SPM iaitu seramai 22 orang responden dengan nilai peratus 29.7%. Manakala, Diploma atau Matrikulasi atau STPM telah mencatatkan bilangan responden seramai 14 orang dengan nilai peratus 18.9%. Selebihnya, responden yang mempunyai tahap pendidikan di peringkat Sarjana adalah seramai 5 orang responden dengan nilai peratus 6.8% manakala responden pada peringkat PhD mempunyai seorang responden dengan nilai peratus paling rendah iaitu 1.4%.

#### 4.1.5 Jenis Pekerjaan

JADUAL 5: Jenis Pekerjaan

Jenis Pekerjaan	Kekerapan	Peratus (%)
Penjawat Awam	21	28.4
Swasta	21	28.4
Pemilik Perniagaan	18	24.3
Pesara	3	4.1
Lain-lain	11	14.9
Jumlah	74	100

*Sumber : Dapatan kajian 2022*

Jadual 5 menunjukkan bahawa sektor penjawat awam dan swasta mempunyai jumlah responden tertinggi yang sama iaitu seramai 21 orang responden dengan nilai 28.4%. Seterusnya, diikuti dengan jenis pekerjaan sebagai pemilik perniagaan iaitu seramai 18 orang responden dengan nilai peratus 24.3%. Manakala, jenis pekerjaan lain-lain mempunyai 11 orang responden (14.9%) dan diikuti jenis pekerjaan pesara mempunyai 3 orang responden (4.1%).

#### 4.1.6 Pendapatan Kasar Keluarga

JADUAL 6: Pendapatan Kasar Keluarga

Pendapatan	Kekerapan	Peratus (%)
RM 1,500 dan ke bawah	6	8.1
RM 1,501 – RM 3,000	15	20.3
RM3,001 – RM 4,500	14	18.9
RM 4,501 – RM 6,000	11	14.9
RM 6,001 dan ke atas	28	37.8
Keseluruhan	74	100

*Sumber : Dapatan kajian 2022*

Jadual 6 pula menunjukkan bahawa jumlah pendapatan RM 6,001 dan ke atas mempunyai bilangan responden tertinggi iaitu seramai 28 orang bersamaan 37.8%. Seterusnya, diikuti dengan pendapatan pada RM 1,501 hingga RM 3,000 mempunyai bilangan responden seramai

15 orang (20.3%) manakala RM3,001 hingga RM 4,500 pula mempunyai seramai 14 orang responden (18.9%). Bagi pendapatan RM 4,501 hingga RM 6,000 pula mempunyai bilangan responden seramai 11 orang dengan nilai peratus 14.9%. Selebihnya, jumlah pendapatan RM 1,500 dan ke bawah mempunyai 6 orang responden dengan nilai peratus 8.1%.

#### **4.2 Tahap Pengetahuan Ibu Bapa Tentang Kepentingan Sukan Terhadap Perkembangan Anak-Anak**

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan mengenai hasil dapatan bagi objektif pertama iaitu tentang tahap pengetahuan ibu bapa tentang kepentingan sukan terhadap perkembangan anak-anak bagi golongan ibu bapa yang menghantar anak mereka ke pusat sukan. Tahap pengetahuan ibu bapa ini melihat kepada betapa pentingnya sukan dan penglibatan ibu bapa terhadap sukan kanak-kanak. Menurut Shaffer et al. (2010) membincangkan dengan apa yang dimaksudkan dengan zaman kanak-kanak kecil sebagai tempoh perkembangan dari kira-kira lima hingga lapan tahun dan merupakan masa apabila kanak-kanak mengalami beberapa peralihan peribadi, sosial dan fizikal yang penting dan pantas. Seterusnya, Urie Bronfenbrenner et al. (1998) mengatakan bahawa ibu bapa adalah sebahagian daripada mikrosistem anak mereka di mana mereka mempunyai kesan langsung ke atas kerjaya sukan anak mereka, manakala sikap dan tingkah laku ibu bapa pula mungkin dipengaruhi secara langsung oleh sistem lain. Pengkaji akan menggunakan skala frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai dalam menghuraikan data. Data-data tersebut juga akan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Bagi menunjukkan skala min, pengkaji menggunakan skala daripada Mohd Majid K (2000). Berdasarkan jadual dibawah, pengkaji menunjukkan interpretasi julat min yang dibina mengikut skala yang digunakan oleh Mohd Majid K (2000). Bacaan min 1.00 hingga 2.33 adalah rendah, 2.34 hingga 3.67 adalah sederhana, dan 3.68 hingga 5.00 adalah tinggi.

##### **4.2.1 Tahap Pengetahuan Ibu Bapa Tentang Kepentingan Sukan Terhadap Perkembangan Anak-Anak**

JADUAL 7: Tahap Pengetahuan Ibu Bapa Tentang Kepentingan Sukan Terhadap Perkembangan Anak-Anak

	Kenyataan	Kekerapan (%)					Min	Sisihan Piawaian
		STS	TS	SS	S	SS		
1.	Aktiviti sukan dapat menyihatkan tubuh badan anak saya.	0.0	0.0	0.0	28 (37.8)	46 (62.2)	4.62	.488
2.	Saya tahu bahawa bersukan penting untuk kesihatan dan pencegahan penyakit.	0.0	0.0	14 (18.9)	42 (56.8)	18 (24.3)	4.05	.659
3.	Saya tahu bahawa sukan penting untuk meningkatkan daya pemikiran kreatif.	0.0	0.0	36 (48.6)	31 (41.9)	7 (9.5)	3.61	.658
4.	Aktiviti sukan ini dapat melatih disiplin dalam diri anak saya.	0.0	0.0	0.0	43 (58.1)	31 (41.9)	4.42	.496
5.	Aktiviti sukan ini dapat menyalurkan kemahiran bersukan kepada anak saya.	0.0	0.0	8 (10.8)	53 (71.6)	13 (17.6)	4.07	.532

6.	Aktiviti sukan boleh meningkatkan potensi anak saya.	0.0	0.0	2 (2.7)	37 (50.0)	35 (47.3)	4.45	.552
7.	Aktiviti sukan hanyalah sekadar membazirkan masa anak saya.	43 (58.1)	30 (40.5)	1 (1.4)	0.0	0.0	1.43	.525
8.	Saya tahu bahawa sukan dapat membentuk sikap kerjasama dalam diri anak saya.	0.0	0.0	28 (37.8)	34 (45.9)	12 (16.2)	3.78	.707

*Sumber: Dapatan kajian 2022*

Jadual 7 menunjukkan pengetahuan ibu bapa tentang kepentingan aktiviti kesukanan terhadap perkembangan anak-anak. Berdasarkan jadual, kenyataan 1 iaitu *aktiviti sukan dapat menyihatkan tubuh badan anak saya* telah mencatat skor min yang tertinggi iaitu sebanyak 4.62 dengan sisihan piawai .488. Kenyataan ini mencatat peratusan *sangat setuju* sebanyak 62.2%. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti sukan boleh meningkatkan kesihatan fizikal seseorang, membentuk personality seseorang dan mengekalkan kesihatan yang baik secara keseluruhan (Sports Accord, 2011). Penglibatan dalam aktiviti kesukanan menjadikan anak-anak lebih sihat, cergas dan mental kuat dan ia sentiasa menyeronokkan terutamanya apabila bermain dalam pasukan atau bersama rakan dan keluarga (MU Healthcare, 2020). Aktiviti fizikal ini dilihat berinteraksi secara positif dengan strategi untuk memperbaiki diet, meningkatkan kapasiti kefungsiian dan interaksi sosial (WHO, 2003). Umum juga mengetahui akan kelebihan aktiviti sukan ini di mana ianya dapat mengurangkan tekanan darah, mengurangkan risiko penyakit jantung, strok dan diabetes. Kesemua kelebihan aktiviti sukan ini akan memastikan kehidupan yang lebih lama, lebih sihat dan lebih menyeronokkan.

Selain itu, min kedua tertinggi pula ialah kenyataan *aktiviti sukan boleh meningkatkan potensi anak saya* mencatat skor min sebanyak 4.45 dan peratusan skala *setuju* adalah 50.0%. Manakala, kenyataan ketiga tertinggi ialah *aktiviti sukan ini dapat melatih disiplin dalam diri anak saya* mencatat skor min sebanyak 4.42 dan peratusan skala *setuju* adalah 58.1%. Hasil skor min ini menunjukkan majoriti ibu bapa bersetuju bahawa aktiviti kesukanan memberikan kesan yang positif kepada anak-anak mereka. Martínez et al. (2012) menyatakan bahawa disiplin dikaitkan dengan motivasi berorientasikan tugas dengan prestasi latihan sukan untuk keseronokan dan dengan rasa untuk belajar dalam diri sendiri, serta kerjasama sebagai cara untuk menggalakkan pasukan. Ilona Bidzan-Bluma et. al. (2018) pula mengatakan bahawa zaman kanak-kanak adalah masa yang penting dan sensitif untuk perkembangan kognitif seperti pemikiran, bahasa, pembelajaran dan ingatan di mana kanak-kanak yang melibatkan diri dalam sukan secara positif akan mempengaruhi fungsi kognitif dan emosi mereka.

Di samping itu, min keempat dan kelima tertinggi ialah *aktiviti sukan ini dapat menyalurkan kemahiran bersukan kepada anak saya* dan *saya tahu bahawa bersukan penting untuk kesihatan dan pencegahan penyakit* dengan masing-masing mencatat skor min sebanyak 4.07 dan 4.05 dan peratusan skala *setuju* adalah 71.6% dan 56.8%. Hasil skor min ini menunjukkan bahawa majoriti ibu bapa bersetuju bahawa aktiviti kesukanan ini sememangnya penting kepada kesihatan anak-anak mereka sekaligus meningkatkan kemahiran mereka terutamanya dalam sukan. Ivan Waddington (2000) mengatakan bahawa terdapat ideologi yang diterima secara meluas seperti yang mengaitkan sukan dan senaman dengan kesihatan yang baik iaitu aktiviti sukan atau senaman adalah penting kepada kanak-kanak untuk kekal cergas sekaligus dapat meningkatkan tahap kesihatan dan kehidupan terutamanya dalam kemahiran bersukan. Tambahan pula, sukan adalah suatu aktiviti yang kompetitif di mana ia mesti melibatkan lebih daripada seorang individu dan kemahiran bersukan amat diperlukan untuk menang dalam suatu pertandingan.

Bagi kenyataan *saya tahu bahawa sukan dapat membentuk sikap kerjasama dalam diri anak saya* mencatat skor min sebanyak 3.78 dan peratusan *setuju* adalah 45.9% diikuti dengan kenyataan *saya tahu bahawa sukan penting untuk meningkatkan daya pemikiran kreatif* yang mencatat skor min sebanyak 3.61 dan peratusan skala *sederhana setuju* adalah 48.6%. Hasil skor min ini menunjukkan bahawa tingkah laku prososial memainkan peranan penting dalam hubungan interpersonal semasa pertumbuhan kanak-kanak dan remaja di mana ia merupakan asas kepada perkembangan sihat kanak-kanak dan remaja (Jiayu Li et. al., 2022). Tingkah laku prososial merujuk kepada sejenis tingkah laku yang sesuai dengan harapan sosial dan tidak mempunyai faedah yang jelas kepada pelakon, tetapi pelakon secara sukarela membawa faedah kepada penerima tingkah laku itu. Eisenberg N. et al. (2015) pula mengatakan bahawa tingkah laku prososial adalah satu siri tingkah laku sosial yang positif, di mana individu secara sukarela memberikan bantuan atau memberi manfaat kepada orang lain dan masyarakat. Ia dicirikan oleh tindakan membantu, berkongsi dan menghiburkan.

Bagi kategori min terendah pula ialah sebanyak 1.43 iaitu kenyataan 7 (*aktiviti sukan hanyalah sekadar membazirkan masa anak saya*). Skala *sangat tidak setuju* bagi kenyataan ini adalah 58.1% yang mana ianya merupakan peratusan yang paling tinggi untuk skala tersebut. Dapat dijelaskan disini bahawa ibu bapa melihat aktiviti kesukanan sebagai suatu aktiviti yang mendatangkan faedah kepada anak mereka dan bukanlah sesuatu perkara yang membuang masa. Jika dilihat dari sudut positif, aktiviti kesukanan adalah salah satu cara terbaik untuk mengalihkan fikiran daripada kekacauan yang dialami seseorang dalam hidup dan menjadikan kehidupan harian kita lebih produktif. Sukan adalah permainan, permainan adalah menyeronokkan. Oleh itu, sukan memainkan peranan yang lebih bermakna dalam membangunkan nilai-nilai positif dalam diri anak-anak. Ia membina kemahiran kepimpinan dalam kalangan anak-anak yang aktif dalam permainan dan sukan.

Hasil dapatan objektif satu dapat disimpulkan bahawa ibu bapa mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi berkenaan kepentingan sukan terhadap anak-anak. Bacaan skor min keseluruhan pula mencatatkan bacaan di tahap yang tinggi dengan nilai keseluruhan min iaitu 3.80. Hal ini jelas menunjukkan bahawa ibu bapa perlu mengambil tahu tentang kepentingan aktiviti kesukanan kepada anak-anak mereka terutamanya ketika proses tumbesaran mereka. Dapat diringkaskan disini bahawa ibu bapa mengambil tahu akan kelebihan aktiviti kesukanan kepada anak-anak mereka. Menurut Rohaty (2003), peranan keterlibatan ibu bapa dalam proses pendidikan adalah amat penting bagi membentuk konsep sendiri anak-anak mereka. Konsep sendiri merupakan keseluruhan persepsi seseorang terhadap dirinya sendiri sama ada berbentuk deskriptif atau berupa penilaian secara kognitif.

### 4.3 Analisis Data Silang Antara Tahap Pengetahuan Ibu Bapa Tentang Kepentingan Sukan Terhadap Perkembangan Anak-Anak Dengan Tahap Pendidikan Ibu Bapa

#### 4.3.1 Aktiviti Sukan Menyihatkan Tubuh Badan Anak

			Tahap Pendidikan					Jumlah
			SPM	Diploma/ Matrikulasi/ STPM	Sarjana Muda	Sarjana	PhD	
Aktiviti sukan dapat menyihatkan tubuh badan anak saya	Setuju		9 (40.9)	10 (71.4)	6 (18.8)	3 (60.0)	0	28 (37.8)
	Sangat Setuju		13 (59.1)	4 (28.6)	26 (81.3)	2 (40.0)	1 (100.0)	46 (62.2)

Jumlah	22	14	32	5	1	74
--------	----	----	----	---	---	----

JADUAL 8: Tabulasi Silang Antara Aktiviti Sukan Menyihatkan Tubuh Badan Anak dan Tahap Pendidikan Ibu Bapa

*Sumber : Dapatan kajian 2022*

Berdasarkan Jadual 8 menunjukkan analisis taburan silang antara aktiviti sukan menyihatkan tubuh badan anak dengan tahap pendidikan ibu bapa. Dapatan analisis menunjukkan bahawa majoriti ibu bapa sangat setuju dengan pernyataan ini berkelulusan sarjana muda iaitu seramai 26 orang (81.3%) diikuti ibu bapa lulusan SPM iaitu seramai 13 orang (59.1%). Hal ini menunjukkan bahawa ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi lebih memahami akan kepentingan aktiviti sukan kepada anak-anak mereka. Siti Nor Yaacob et. al. (1990) berpendapat bahawa taraf pendidikan ibu bapa mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas perkembangan anak-anak terutamanya dalam pencapaian akademik.

#### 4.3.2 Aktiviti Sukan Penting Untuk Kesihatan

JADUAL 9: Tabulasi Silang Antara Aktiviti Sukan Penting untuk Kesihatan dan Tahap Pendidikan Ibu Bapa

			Tahap Pendidikan					Jumlah
			SPM	Diploma/ Matrikulasi/ STPM	Sarjana Muda	Sarjana	PhD	
Saya tahu bahawa bersukan penting untuk kesihatan dan pencegahan penyakit.	Sederhana	Setuju	5 (22.7)	1 (7.1)	7 (21.9)	1 (20.0)	0	14 (18.9)
	Setuju	Setuju	10 (45.5)	11 (78.6)	19 (59.4)	2 (40.0)	0	42 (56.8)
	Sangat Setuju	Sangat Setuju	7 (31.8)	2 (14.3)	6 (18.8)	2 (40.0)	1 (100.0)	18 (24.3)
Jumlah			22	14	32	5	1	74

*Sumber : Dapatan kajian 2022*

Berdasarkan Jadual 9 menunjukkan analisis taburan silang antara aktiviti sukan penting untuk kesihatan dengan tahap pendidikan ibu bapa. Dapatan analisis menunjukkan bahawa majoriti ibu bapa setuju dengan pernyataan ini yang berkelulusan sarjana muda iaitu seramai 19 orang (59.4%) diikuti ibu bapa lulusan SPM iaitu seramai 10 orang (45.5%). Hal ini menunjukkan bahawa ibu bapa mempunyai pengetahuan mengenai sukan merupakan satu aktiviti yang baik untuk kesihatan anak mereka.

#### 4.3.3 Aktiviti Sukan Penting Untuk Meningkatkan Daya Pemikiran Kreatif

JADUAL 10: Tabulasi Silang Antara Aktiviti Sukan Penting untuk Meningkatkan Daya Pemikiran Kreatif dan Tahap Pendidikan Ibu Bapa

			Tahap Pendidikan					Jumlah
			SPM	Diploma/ Matrikulasi/ STPM	Sarjana Muda	Sarjana	PhD	
Saya tahu bahawa sukan penting untuk meningkatkan daya pemikiran kreatif	Sederhana	Setuju	12 (54.5)	5 (35.7)	17 (53.1)	2 (40.0)	0	36 (48.6)
	Setuju	Setuju	7 (31.8)	9 (64.3)	11 (34.4)	3 (60.0)	1 (100.0)	31 (41.9)
	Sangat Setuju	Sangat Setuju	3 (13.6)	0	4 (12.5)	0	0	7 (9.5)
Jumlah			22	14	32	5	1	74

*Sumber : Dapatan kajian 2022*

Berdasarkan Jadual 10 menunjukkan analisis taburan silang antara aktiviti sukan penting untuk meningkatkan daya pemikiran kreatif dengan tahap pendidikan ibu bapa. Dapatan analisis menunjukkan bahawa majoriti ibu bapa sederhana setuju dengan pernyataan ini yang merupakan kelulusan sarjana muda iaitu seramai 17 orang (53.1%) diikuti ibu bapa lulusan SPM iaitu seramai 12 orang (54.5%). Hal ini menunjukkan bahawa ibu bapa mengetahui bahawa aktiviti sukan mampu untuk meningkatkan daya pemikiran kreatif anak mereka. Menurut Morris, Kuratko dan Covin (2010), mengatakan bahawa kreativiti ialah suatu potensi yang terdapat pada setiap individu. Namun pada hakikatnya, setiap individu memiliki perbezaan dari segi tahap kreativiti (Muradriani, Widiastuti, Lianawati dan Nisfianoor, 2006).

#### 4.3.4 Aktiviti Sukan Melatih Disiplin Diri

JADUAL 11: Tabulasi Silang Antara Aktiviti Sukan Melatih Disiplin Diri dan Tahap Pendidikan Ibu Bapa

			Tahap Pendidikan					Jumlah
			SPM	Diploma/ Matrikulasi/ STPM	Sarjana Muda	Sarjana	PhD	
Aktiviti sukan ini dapat melatih disiplin dalam diri anak saya.	Setuju		17 (77.3)	8 (57.1)	16 (50.0)	2 (40.0)	0	43 (58.1)
	Sangat Setuju		5 (22.7)	6 (42.9)	16 (50.0)	3 (60.0)	1 (100.0)	31 (41.9)
Jumlah			22	14	32	5	1	74

Sumber : Dapatan kajian 2022

Berdasarkan Jadual 11 menunjukkan analisis taburan silang antara aktiviti sukan penting melatih disiplin diri dengan tahap pendidikan ibu bapa. Dapatan analisis menunjukkan bahawa majoriti ibu bapa setuju dengan pernyataan ini yang merupakan kelulusan SPM iaitu seramai 17 orang (77.3%) diikuti ibu bapa lulusan sarjana muda iaitu seramai 16 orang (50.0%). Hal ini menunjukkan bahawa aktiviti sukan ini sememangnya adalah antara salah satu cara yang sering diguna pakai oleh ibu bapa dalam melatih sikap disiplin diri kepada anak-anak mereka. Menurut Foucault (1977), menyatakan bahawa disiplin merupakan satu bentuk pengawasan dan membiasakan amalan yang dikehendaki. Disiplin juga merupakan apa yang dipersetujui oleh sesuatu kelompok masyarakat bagi mewujudkan tingkah laku yang baik demi kesempurnaan masyarakat itu sendiri (Ee Ah Meng, 1990).

#### 4.3.5 Aktiviti Sukan Meningkatkan Kemahiran Bersukan

JADUAL 12: Tabulasi Silang Antara Aktiviti Sukan Meningkatkan Kemahiran Bersukan dan Tahap Pendidikan Ibu Bapa

			Tahap Pendidikan					Jumlah
			SPM	Diploma/ Matrikulasi/ STPM	Sarjana Muda	Sarjana	PhD	
Aktiviti sukan ini dapat menyalurkan kemahiran bersukan kepada anak saya.	Sederhana Setuju		2 (9.1)	1 (7.1)	4 (12.5)	1 (20.0)	0	8 (10.8)
	Setuju		16 (72.7)	12 (85.7)	20 (62.5)	4 (80.0)	1 (100.0)	53 (71.6)
	Sangat Setuju		4 (18.2)	1 (7.1)	8 (25.0)	0	0	13 (17.6)
Jumlah			22	14	32	5	1	74

Sumber : Dapatan kajian 2022

Berdasarkan Jadual 12 menunjukkan analisis taburan silang antara aktiviti sukan meningkatkan kemahiran bersukan dengan tahap pendidikan ibu bapa. Dapatan analisis menunjukkan bahawa majoriti ibu bapa setuju dengan pernyataan ini yang merupakan

kelulusan sarjana muda iaitu seramai 20 orang (62.5%) diikuti ibu bapa lulusan SPM iaitu seramai 16 orang (72.7%). Hal ini menunjukkan bahawa kemahiran bersukan juga boleh dikuasai dalam satu tempoh tertentu mengikut jenis sukan tersebut berdasarkan tahap kesukarannya. Tambahan pula, kemahiran bersukan merupakan kemahiran tubuh badan manusia dalam meningkatkan daya kerja otot, kestabilan dan fleksibiliti sehingga mencapai tahap yang tertentu bergantung kepada jenis sukan yang dimainkan.

#### 4.3.6 Aktiviti Sukan Meningkatkan Potensi Diri

JADUAL 13: Tabulasi Silang Antara Aktiviti Sukan Meningkatkan Potensi Diri dan Tahap Pendidikan Ibu Bapa

		Tahap Pendidikan					Jumlah
		SPM	Diploma/ Matrikulasi/ STPM	Sarjana Muda	Sarjana	PhD	
Aktiviti sukan boleh meningkatkan potensi anak saya.	Sederhana Setuju	2 (9.1)	0	0	0	0	2 (2.7)
	Setuju	12 (54.5)	10 (71.4)	11 (34.4)	4 (50.0)	0	37 (50.0)
	Sangat Setuju	8 (36.4)	4 (28.6)	21 (65.6)	1 (20.0)	1 (100.0)	35 (47.3)
Jumlah		22	14	32	5	1	74

*Sumber : Dapatan kajian 2022*

Berdasarkan Jadual 13 menunjukkan analisis taburan silang antara aktiviti sukan meningkatkan potensi diri dengan tahap pendidikan ibu bapa. Dapatan analisis menunjukkan bahawa majoriti ibu bapa setuju dengan pernyataan ini yang merupakan kelulusan SPM iaitu seramai 12 orang (54.5%) diikuti ibu bapa lulusan sarjana muda iaitu seramai 11 orang (34.4%) dan ibu bapa lulusan diploma, matrikulasi serta STPM iaitu seramai 10 orang (71.4%). Hal ini menunjukkan bahawa ibu bapa mengetahui bawa aktiviti kesukanan dapat mencungkil bakat dan kebolehan diri anak-anak mereka di dalam pelbagai aspek terutamanya kemahiran insaniah. Tambahan pula, melalui aktiviti sukan dapat membantu anak-anak untuk menyelesaikan masalah secara kritis dan kreatif.

#### 4.3.7 Adakah Aktiviti Sukan Membazirkan Masa?

JADUAL 14: Tabulasi Silang Antara Aktiviti Sukan Membazirkan Masa dan Tahap Pendidikan Ibu Bapa

		Tahap Pendidikan					Jumlah
		SPM	Diploma/ Matrikulasi/ STPM	Sarjana Muda	Sarjana	PhD	
Aktiviti sukan ini hanyalah membazirkan masa anak saya.	Sangat Tidak Setuju	14 (63.6)	10 (71.4)	14 (43.8)	4 (80.0)	1 (100.0)	43 (58.1)
	Tidak Setuju	8 (36.4)	4 (28.6)	17 (53.1)	1 (20.0)	0	30 (40.5)
	Sederhana Setuju	0	0	1 (3.1)	0	0	1 (1.4)
Jumlah		22	14	32	5	1	74

*Sumber : Dapatan kajian 2022*

Berdasarkan Jadual 14 menunjukkan analisis taburan silang antara aktiviti sukan membazirkan masa dengan tahap pendidikan ibu bapa. Dapatan analisis menunjukkan bahawa majoriti ibu bapa sangat tidak setuju dengan pernyataan ini yang merupakan kelulusan SPM dan sarjana muda masing-masing seramai 14 orang (63.6%) dan 14 orang (43.8) diikuti ibu bapa lulusan diploma, matrikulasi dan STPM iaitu seramai 10 orang (71.4%). Hal ini menunjukkan bahawa aktiviti sukan bukanlah suatu aktiviti yang membazirkan masa anak-

anak mereka malahan ianya merupakan satu aktiviti yang mampu memberikan banyak manfaat kepada anak-anak mereka terutamanya dalam memperoleh kemahiran hidup.

#### 4.3.7 Aktiviti Sukan Membentuk Sikap Kerjasama Dalam Diri

JADUAL 15: Tabulasi Silang Antara Aktiviti Sukan Membentuk Sikap Kerjasama dalam Diri dan Tahap Pendidikan Ibu Bapa

			Tahap Pendidikan				Jumlah
			SPM	Diploma/ Matrikulasi/ STPM	Sarjana Muda	Sarjana	
Saya tahu bahawa sukan dapat membentuk sikap kerjasama dalam diri anak saya.	Sederhana Setuju	9 (40.9)	5 (35.7)	13 (40.6)	1 (20.0)	0	28 (37.8)
	Setuju	10 (45.5)	8 (57.1)	12 (37.5)	3 (60.0)	1 (100.0)	34 (45.9)
	Sangat Setuju	3 (13.6)	1 (7.1)	7 (21.9)	1 (20.0)	0	12 (16.2)
Jumlah		22	14	32	5	1	74

*Sumber : Dapatan kajian 2022*

Berdasarkan Jadual 15 menunjukkan analisis taburan silang antara aktiviti sukan membentuk sikap kerjasama dalam diri dengan tahap pendidikan ibu bapa. Dapatan analisis menunjukkan bahawa majoriti ibu bapa setuju dengan pernyataan ini yang merupakan kelulusan sarjana muda iaitu seramai 12 orang (37.5%) dan diikuti ibu bapa lulusan SPM iaitu seramai 10 orang (45.5%). Hal ini jelas menunjukkan bahawa sikap bekerjasama dapat dipupuk melalui aktiviti sukan yang dilakukan oleh anak-anak malahan ianya juga membantu dalam memupuk semangat perpaduan anak-anak dalam kalangan masyarakat.

## 5. Rumusan dan Cadangan

Kesimpulannya, hasil kajian ini dapat memberikan pendedahan dan kesedaran kepada ibu bapa tentang kepentingan penglibatan anak-anak dalam aktiviti kesukanan. Ibu bapa merupakan agen sosialisasi yang paling rapat dengan anak-anak dan pengaruh mereka memberikan impak yang besar dalam kehidupan anak-anak. Pengkaji mengharapkan bahawa kajian ini akan membina suatu daya untuk ibu bapa menggalakkan anak mereka dalam menyertai aktiviti kesukanan sama di sekolah mahupun di luar waktu sekolah. Hal ini secara langsung dapat membantu ibu bapa untuk mensosialisasikan anak-anak mereka dengan cara yang betul supaya tidak terlibat dengan masalah-masalah sosial dan menjalani gaya hidup yang sihat.

Kerjasama daripada pelbagai aspek dan pihak terutamanya pihak sekolah sangat memainkan peranan penting dalam menggalakkan penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti kesukanan. Penglibatan kanak-kanak dari peringkat awal dalam aktiviti sukan secara umumnya mempengaruhi fungsi kognitif dan emosi secara positif. Dengan kata lain, tindakan yang efektif perlu diambil agar kanak-kanak dapat terlibat dengan aktiviti kesukanan dan sekaligus membantu dalam pembesaran mereka.

## RUJUKAN



- Abd, N., Mohamad, R., Ishak, S., Syahfei, M., Mohamad, M., Zaki, A., Ahmad, A., & Ibrahim, Z. (2020). Tahap penglibatan ibu bapa dalam didikan kanak-kanak di taska kemas. *Jurnal Kesidang*, 5, 112–118.
- Allender, S., Cowburn, G., & Foster, C. (2006). Understanding participation in sport and physical activity among children and adults: A review of qualitative studies. In *Health Education Research* (Vol. 21, Issue 6, pp. 826–835). <https://doi.org/10.1093/her/cyl063>
- Anon. (2018). Sokongan ibu bapa komponen penting lahir atlet cemerlang: Dr Khairi. Utusan Borneo. <https://www.utusanborneo.com.my/2018/04/17/sokongan-ibu-bapa-komponen-penting-lahir-atlet-cemerlang-dr-khairi> [17 April 2018]
- Bernama. (2021). Penglibatan rakyat Malaysia dalam sukan masih sederhana - KBS. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-sukan/penglibatan-rakyat-malaysia-dalam-sukan-masih-sederhana-kbs-304913> [24 Jun 2021]
- Bonavolontà, V., Cataldi, S., Latino, F., Carvutto, R., de Candia, M., Mastroilli, G., Messina, G., Patti, A., Fischetti, F., Tchounwou, P. B., Carmelo, J., & Sala, A. (2021). The Role of Parental Involvement in Youth Sport Experience: Perceived and Desired Behavior by Male Soccer Players. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 18, 1–9. <https://doi.org/10.3390/ijerph>
- Chun, C. C., Yusof, A., Chee, C. S., & Chong, A. M. (2014). Faktor-faktor penglibatan aktiviti sukan rekreasi dalam kalangan murid sekolah menengah. *Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan*, 90–97. <https://www.researchgate.net/publication/301651708>
- Hollins, Dorothy K., (2016). When enough is enough: the impact of parental involvement in children's participation in organized sports. University Honors Theses.Paper 224. <https://doi.org/10.15760/honors.222>
- Juriana, J., Rahmawati, Y., Sumantri, M. S., & Hidayat, D. R. (2021). An analysis of the factors involved in providing parental support for developing sport talent in early childhood. *International Journal of Human Movement and Sports Sciences*, 9(4), 682–696. <https://doi.org/10.13189/saj.2021.090412>
- Kimpa, V. A., & Salamuddin, N. B. (2022). Hubungan Antara Penglibatan Sukan dan Akademik Atlet Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001385. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1385>
- Knight, C. J., Berrow, S. R., & Harwood, C. G. (2017). Parenting in sport. In *Current Opinion in Psychology* (Vol. 16, pp. 93–97). Elsevier B.V. <https://doi.org/10.1016/j.copsyc.2017.03.011>
- Knight, C. J., Dorsch, T. E., Osai, K. v., Haderlie, K. L., & Sellars, P. A. (2016a). Influences on parental involvement in youth sport. *Sport, Exercise, and Performance Psychology*, 5(2), 161–178. <https://doi.org/10.1037/spy0000053>
- Knight, C. J., Dorsch, T. E., Osai, K. v., Haderlie, K. L., & Sellars, P. A. (2016b). Influences on parental involvement in youth sport. *Sport, Exercise, and Performance Psychology*, 5(2), 161–178. <https://doi.org/10.1037/spy0000053>
- Leff, S. S., & Hoyle, R. H. (1995). Young athletes' perceptions of parental support and pressure. *Journal of Youth and Adolescence*, 24(2), 187–203. <https://doi.org/10.1007/BF01537149>

- Lev, A., Bichman, A., Moyal, A., Brenner, S., Fass, N., & Been, E. (2020). No Cutting Corners: The Effect of Parental Involvement on Youth Basketball Players in Israel. *Frontiers in Psychology, 11*. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.607000>
- Mastrorilli, G., & Greco, G. (2020a). Parental involvement in youth sports: perceived and desired behaviour by children. *European Journal of Fitness, Nutrition and Sport Medicine Studies, 1*(2). <https://doi.org/10.46827/ejfnsm.v1i2.68>
- Mbong, C. F. (2017). *Parental Involvement in Youth Sports and Physical Activities*. Diaconia University of Applied Sciences.
- Saibi Gi. (2020). Ibu bapa beri sokongan penuh demi minat anak terhadap bola sepak. Utusan Borneo. <https://www.utusanborneo.com.my/2020/02/26/ibu-bapa-beri-sokongan-penuh-demi-minat-anak-terhadap-bola-sepak> [26 Februari 2020]
- Sánchez-Miguel, P. A., Leo, F. M., Sánchez-Oliva, D., Amado, D., & García-Calvo, T. (2013). The importance of parents' behavior in their children's enjoyment and amotivation in sports. *Journal of Human Kinetics, 36*(1), 169–177. <https://doi.org/10.2478/hukin-2013-0017>
- Shahrizal Ahmad Zaini. (2021). Budaya sukan negara masih lemah. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/180669/berita/sukan/budaya-sukan-negara-masih-lemah> [31 Disember 2021]
- Shariff, Z., & Mohamad, M. (2018). Indeks budaya sukan malaysia 2018 mengukur tahap budaya sukan rakyat Malaysia. *Malaysia Journal of Youth Studies, 120*–135.
- Stefansen, K., Smette, I., & Strandbu, Å. (2018). Understanding the increase in parents' involvement in organized youth sports. *Sport, Education and Society, 23*(2), 162–172. <https://doi.org/10.1080/13573322.2016.1150834>
- Strandbu, Å., Stefansen, K., Smette, I., & Sandvik, M. R. (2019). Young people's experiences of parental involvement in youth sport. *Sport, Education and Society, 24*(1), 66–77. <https://doi.org/10.1080/13573322.2017.1323200>
- Teques, P., Serpa, S., Rosado, A., Silva, C., & Calmeiro, L. (2018). Parental Involvement in Sport: Psychometric Development and Empirical Test of a Theoretical Model. *Current Psychology, 37*(1), 234–249. <https://doi.org/10.1007/s12144-016-9507-2>
- World Health Organization (WHO). (2003). *Health and Development Through Physical Activity and Sport*. Geneva, Switzerland: World Health Organization.